

Pinjaman Peribadi Kempen *Flexi-Pay* Hong Leong The One Academy

Tempoh Kempen

1. Hong Leong Bank Berhad (dirujuk sebagai “**Bank**”) “Pinjaman Peribadi Kempen *Flexi-Pay* Hong Leong The One Academy” (“**Kempen**”) bermula pada 2 Januari 2019 dan tamat pada 30 April 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang dikuatkuasakan di atas Kempen:-

KELAYAKAN

2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu warganegara Malaysia (“**Pelanggan**”) yang:-
 - (a) berumur antara 21 hingga 60 tahun
 - (b) bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan tahunan minima Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000);
 - (c) tidak mempunyai sebarang tunggakan baki sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi/Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki Hong Leong Bank dan/atau Pembiayaan Peribadi-i/Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki dan/atau Pinjaman Peribadi MACH I.O.U;
 - (d) memohon untuk Pinjaman Peribadi Hong Leong Bank dengan amaun minima Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM5,000) sehingga Lima Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM50,000) (Pinjaman Peribadi Hong Leong Bank akan dirujuk sebagai “**Kemudahan**”) dengan tempoh kemudahan satu (1) tahun sehingga lima (5) tahun (“**Tempoh Kemudahan**”) untuk tujuan membayai pendaftaran program akademik di The One Academy of Communication Design Sdn. Bhd. (No Syarikat: 210547-P) (“**Pedagang**”) dan/atau penggunaan peribadi melalui www.hlb.com.my/toa (“**Laman Sesawang Kempen**”) semasa Tempoh Kempen dan;
 - (e) Kemudahan disalurkan selewatnya pada 31 Mei 2019.

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 2 akan ditakrifkan sebagai “**Pelanggan Layak**”.

3. Pelanggan yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - ii. Pelanggan yang dikenalpasti oleh pihak Bank sebagai berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di sini; dan/atau
 - iii. Kakitangan tetap atau mempunyai kontrak dengan Bank dan Hong Leong Islamic Bank

MEKANIK KEMPEN

Kadar Faedah Rata Tetap

4. Pelanggan Layak akan dikenakan kadar faedah rata tetap bergantung kepada Tempoh Kemudahan seperti yang diilustrasikan jadual di bawah:

Amaun Kemudahan	Tempoh Kemudahan (tahun)	Kadar Faedah Rata Tetap
RM5,000 – RM50,000	1 - 2	4.00%setahun
RM5,000 – RM50,000	3 - 4	6.00%setahun
RM5,000 – RM50,000	5	8.00% setahun

Nota: Kadar faedah efektif berkisar dari 7.30%setahun sehingga 14.13%setahun untuk tempoh 1 – 5 tahun.

5. Gambaran untuk pengiraan ansuran bulanan untuk amaun Kemudahan RM10,000:

Tempoh (tahun)	Amaun Kemudahan (RM)	Kadar Faedah (setahun)	Faedah yang Dikenakan (RM)	Jumlah yang Perlu Dibayar (RM)	Ansuran Bulanan* (RM)
(a)	(b)	(c)	(d) = [i.e. (a) x (b) x (c)]	(e) = (b) + (d)	(f) = (e)/[(a)x12]
1	RM10,000	4.00%	400	10,400	870
2	RM10,000	4.00%	800	10,800	450
3	RM10,000	6.00%	1,800	11,800	330
4	RM10,000	6.00%	2,400	12,400	260
5	RM10,000	8.00%	4,000	14,000	235

*Ansuran bulanan akan dibundarkan ke atas kepada RM5 terdekat.

Duti setem sebanyak 0.5% daripada amaun kemudahan diluluskan akan ditolak daripada amaun kemudahan diluluskan sebelum penyaluran dibuat kepada The One Academy.

6. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan Layak harus melengkapkan *Personal Loan Disbursement Instruction Form* pihak Bank (“**Borang**”) dan Kemudahan akan disalurkan terus kepada **The One Academy of Communication Design Sdn. Bhd. (No. Syarikat 210547-P)** mengikut cara yang tertakluk di Borang dan pihak Bank tidak mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan Pelanggan Layak mengenai penyaluran.

UMUM

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dengan ini:

- i. Setuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi Hong Leong;

- ii. Setuju untuk melawat Laman Sesawang Kempen dan/atau Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my pada selang masa kerap untuk membaca T&S dan mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - iii. Setuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, akhir dan mengikat, dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan;
 - iv. Setuju untuk memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
 - v. Setuju bahawa sebarang tuntutan dan/atau pertikaian antara Pelanggan Layak dengan Pedagang tidak akan membebaskan Pelanggan Layak daripada kewajipan untuk membayar ansuran bulanan untuk tujuan pembayaran balik Pinjaman Peribadi atau mana-mana jumlah yang dihutang kepada pihak Bank. Pedagang tidak akan bertanggungjawab jika Pelanggan Layak gagal menurut kewajipan atas pembayaran kepada pihak Bank;
 - vi. Mengakui bahawa butiran pembayaran (“**Butiran Pembayaran**”) seperti yang tertakluk di Borang adalah tepat dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan Butiran Pembayaran kepada Pedagang untuk tujuan penyelarasian.
8. Pihak Bank mempunyai hak untuk:
- i. Menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan sebarang sebab;
 - ii. Membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknya;
 - iii. Menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan dengan cara memaparkan di Laman Sesawang Kempen, atau dengan menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap munasabah oleh pihak Bank.
9. T&S yang terkandung di sini dan terma dan syarat yang memerintah Pinjaman Peribadi/*Add-a-Loan*/MACH I.O.U. Pinjaman Peribadi Hong Leong harus dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan terma dan syarat yang memerintah Pinjaman Peribadi/*Add-a-Loan*/MACH I.O.U. Pinjaman Peribadi Hong Leong, T&S spesifik di sini akan diguna pakai.
10. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Kempen akan diguna pakai.
11. T&S yang terkandung di sini dikawal selia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
12. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termaktub untuk semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termaktub untuk jamak dan sebaliknya.